

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.2 (70)

20 Oktober 2014
25 Zulhijjah 1435

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 40/2014

PENILAIAN PRESTASI STAF SECARA DALAM TALIAN (*ONLINE*) TAHUN 2014 (e-LPPT/e-LNPT 360°/e-LNPT)

Dimaklumkan bahawa mengikut peraturan sedia ada Perkhidmatan Awam, Sistem Penilaian Prestasi merupakan instrumen penting dalam Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan untuk menilai pencapaian prestasi seseorang pegawai Perkhidmatan Awam. Bagi mencapai hasrat berkenaan, pelaksanaan Penilaian Prestasi Staf UTM bagi tahun 2014 akan dilaksanakan melalui sistem berikut:-

- a) **e-LPPT** - Penilaian Prestasi Secara Dalam Talian untuk Staf Akademik.
- b) **e-LNPT 360°** - Penilaian Prestasi Secara Dalam Talian untuk Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41 hingga Gred 54).
- c) **e-LNPT** - Penilaian Prestasi Secara Dalam Talian untuk Staf Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke bawah (termasuk jawatan Tutor Gred DA41).

2. Bagi memastikan urusan penilaian prestasi staf tahun 2014 dapat dilaksanakan mengikut jadual, berikut ialah jadual perancangan yang ditetapkan untuk makluman dan tindakan staf serta pihak yang berkaitan:

TARIKH	TINDAKAN
1 November 2014 hingga 30 November 2014 (30 hari)	Mengenal pasti klasifikasi Pegawai Yang Dinilai (PYD)/Pegawai Penilai oleh Pengurusan Sumber Manusia (PSM) Pusat Tanggungjawab (PTJ)

TARIKH	TINDAKAN
1 Disember 2014 hingga 31 Disember 2014 (31 hari)	Pengisian borang Laporan Penilaian Prestasi Tahun 2014 dan pengisian pencapaian kerja sebenar tahun 2014 secara <i>online</i> oleh PYD
1 Januari 2015 hingga 14 Januari 2015 (14 hari)	Pengesahan maklumat penerbitan oleh Perpustakaan. (eLPPT)
15 Januari 2015 hingga 4 Februari 2015 (21 hari)	a) Penilaian dan pengisian markah oleh Pegawai Penilai Pertama (PPP) serta pemakluman markah oleh PPP kepada PYD b) Penilaian dan pengisian markah 360° oleh Pegawai Penilai Rakan Sekerja (PPR) dan Pegawai Penilai Subordinat (PPS)(eLNPT 360°)
5 Februari 2015 hingga 11 Februari 2015 (7 hari)	a) Pengesahan/rayuan/pembetulan markah oleh PYD b) Semakan status penilaian oleh PSM PTJ
12 Februari 2015 hingga 4 Mac 2015 (21 hari)	Penilaian dan pengisian markah oleh Pegawai Penilai Kedua (PPK)

TARIKH	TINDAKAN
5 Mac 2015 hingga 11 Mac 2015 (7 hari)	Semakan status penilaian oleh PSM PTJ
Mac 2015	a) Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (MPPSM) PTJ b) Penyediaan dan penghantaran maklumat untuk MPPSM Universiti
Mac/April 2015	Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (MPPSM) Universiti

3. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab bagi setiap staf termasuk yang tidak memilih Sistem Saraan Malaysia untuk mematuhi peraturan dengan mengisi dan melengkapkan borang e-LPPT/e-LNPT 360°/e-LNPT 2014. Borang yang telah siap diisi oleh Pegawai Yang Dinilai (PYD) hendaklah dikemukakan secara *online* kepada Pegawai Penilai.


4. Kerjasama daripada semua pihak amatlah diperlukan bagi keseragaman tempoh penyelesaian proses keputusan markah supaya memudahkan beberapa urusan penting seperti kenaikan gaji tahunan, kenaikan pangkat, temuduga, pengesahan jawatan dan sebagainya. Sehubungan itu, semua Fakulti/Bahagian adalah bertanggungjawab untuk memastikan jadual perancangan Penilaian Prestasi Tahunan staf dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.

5. Sila ambil perhatian bahawa setiap staf adalah tidak dikecualikan daripada mengisi dan melengkapkan borang e-LPPT/e-LNPT 360°/e-LNPT 2014. Ia tidak mengira sama ada seseorang staf itu telah berada di tahap matagaji maksimum atau sebagainya. Staf yang tidak mengisi borang dan tidak menyediakan Sasaran Kerja Tahunan (SKT), masing-masing boleh disifatkan sebagai melanggar peraturan semasa dan tindakan tatatertib boleh dikenakan ke atas staf berkenaan.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN
Pendaftar

- s.k. - YBhg Naib Canselor
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
- Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah